

UNTUK SIARAN SEGERA

Great Eastern Kini 117 Tahun di Malaysia dan Turut Memperkenalkan Logo Baharu

Kuala Lumpur, 26 Ogos 2025 – Sempena meraikan 117 tahun berkhidmat kepada rakyat Malaysia, Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad (GELM), antara syarikat insurans hayat yang terbesar dan juga syarikat yang telah lama beroperasi di Malaysia memperkenalkan logo korporat baharu, mencerminkan fasa transformasi ke arah organisasi yang berpandangan jauh dan berteraskan data, serta bersedia untuk menghadapi masa hadapan. Logo baharu ini turut melibatkan Great Eastern General Insurance (Malaysia) Berhad (GEGM), dan Great Eastern Takaful Berhad (GETB).

Logo baharu Great Eastern mencerminkan warisan kukuh serta aspirasi yang sentiasa berkembang. Reka bentuknya yang kontemporari, menghargai sejarah legasi syarikat yang turut melambangkan langkah berani ke arah masa hadapan. Ia turut menyatukan identiti penjenamaan yang merentasi perniagaan dalam insurans hayat, insurans am dan takaful. Ia juga mencerminkan keupayaan syarikat untuk menawarkan rangkaian penyelesaian yang menyeluruh kepada pelanggan dan badan korporat di bawah satu jenama yang padu, serta memberikan pengalaman pelanggan yang sinergistik dan lancar.

Motif singa yang ikonik telah diperbaharui untuk menyerlahkan keutuhan dan kepimpinan syarikat, mencerminkan komitmen syarikat terhadap kecemerlangan. Setiap elemen singa ini membawa makna tersendiri yang mencerminkan aspirasi Great Eastern:

- **Ekor** – satu simbol kepimpinan, seperti mana singa menggunakan ekornya untuk berkomunikasi dengan megah;
- **Tapak kaki** – melambangkan langkah yang yakin ke hadapan;
- **Surai** – motivasi dalaman yang mewakili cita-cita dan semangat yang membara; dan
- **Mata** – fokus dan tertumpu ke arah masa depan.

Perkataan "*Great Eastern*" turut diperbaharui dengan gaya tulisan yang lebih tebal, melambangkan keyakinan syarikat, manakala *tagline* baharu "*An OCBC Company*" menegaskan kedudukan syarikat sebagai sebahagian daripada rangkaian "*One Group*" OCBC.

"Pelancaran logo baharu ini bukan sekadar pembaharuan visual, ia menandakan pencapaian penting dalam membina kepercayaan dan mendorong matlamat selama 117 tahun, serta komitmen kami untuk terus membantu pelanggan *Mencapai Kejayaan*," kata Dato' Koh Yaw Hui, Ketua Pegawai Eksekutif GELM.

"Kami akan terus memastikan penjagaan kesihatan berkualiti boleh diakses dan mampan untuk semua rakyat Malaysia. Misi kami adalah untuk membangunkan pelan inovatif dan menyeluruh untuk kestabilan kewangan dan melindungi rakyat Malaysia daripada kejadian tidak dijangka di setiap peringkat kehidupan." tambah beliau.

Sempena ulang tahun ini, GEGM menawarkan produk *GREAT Home 360* dan *GREAT Shield Active* dengan rebat sehingga 20% dan 30% mengikut kategori. Tawaran ini sah sehingga 31 Januari 2026.

Jeremy Yeap, Ketua Pegawai Eksekutif GEGM berkata, “Kami memahami kehidupan penuh dengan ketidakpastian, dan misi kami adalah untuk memberikan ketenangan minda kepada pelanggan dan orang tersayang mereka, sama ada di rumah atau di luar negara. Logo baharu ini melambangkan kemodenan, keterbukaan dan keutamaan kepada pelanggan dalam memenuhi keperluan mereka yang sentiasa berubah.”

Dalam memimpin operasi perniagaan Takaful, Great Eastern Takaful terus komited dalam menyediakan perlindungan kewangan kesihatan berlandaskan prinsip Syariah yang inklusif, mencerminkan semangat saling membantu dan prihatin terhadap komuniti. Logo baharu ini menyatukan identiti penjenamaan di seluruh Kumpulan Great Eastern dan ia turut memperkukuh kedudukan Great Eastern Takaful sebagai sebuah jenama yang menggabungkan inovasi dengan tujuan, menawarkan penyelesaian yang disesuaikan dengan keperluan pelbagai lapisan masyarakat. Berteraskan kepercayaan dan nilai bersama, ia kekal fokus dengan memperkasakan individu dan keluarga dengan perlindungan yang bermakna.

Shahrul Azlan Shahrman, Ketua Pegawai Eksekutif GETB berkata, “Logo baharu ini menandakan pencapaian penting dalam perjalanan kami. Ia memperkukuh penjajaran kami dengan jenama induk di samping meneruskan peranan unik kami dalam menyampaikan penyelesaian takaful yang menyeluruh dan bermatlamat. Identiti baharu ini mencerminkan keberdayaan kami, kepercayaan mendalam yang diberikan kepada kami, dan kesediaan kami untuk memenuhi keperluan pelanggan yang sentiasa berubah dengan penuh keyakinan dan ketelusan.”

Untuk maklumat lanjut mengenai logo baharu Great Eastern dan Great Eastern Takaful, sila layari <https://www.greataeasternlife.com> or www.greataeasterntakaful.com .



Ketua Pegawai Eksekutif Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad (GELM), Dato’ Koh Yaw Hui (tengah) bersama Ketua Pegawai Eksekutif Great Eastern General Insurance (Malaysia)

Berhad, Encik Jeremy Yeap (di sebelah kiri) dan Ketua Pegawai Eksekutif Great Eastern Takaful Berhad, Encik Shahrul Azlan Shahrman (di sebelah kanan) melancarkan logo baharu Great Eastern.



Ketiga-tiga Ketua Pegawai Eksekutif dari GELM, GEGM dan GETB meraikan ulang tahun ke-117 pada majlis pelancaran tersebut bersama bersama mascot syarikat, *Roarie*.

- Tamat -

Mengenai Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad

Great Eastern Life memulakan operasinya pada tahun 1908 sebagai pejabat cawangan The Great Eastern Life Assurance Company Limited. Operasi di Malaysia kemudiannya dipindahkan kepada sebuah syarikat awam yang diperbadankan secara tempatan, iaitu Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad (GELM), di bawah Skim Pemindahan Perniagaan. Pada tahun 1998, syarikat ini telah diperakui oleh The Malaysia Book of Records sebagai “Syarikat Insurans Hayat Tertua dan Terbesar” di Malaysia.

Dengan lebih daripada satu abad pengalaman dan asas kewangan yang kukuh, GELM memiliki aset melebihi RM99 bilion, lebih daripada 4.0 juta polisi aktif, serta rangkaian hampir 22,000 ejen di seluruh negara setakat 31 Disember 2024. Sehingga kini, GELM mempunyai 21 cawangan di seluruh negara dan menawarkan pelbagai produk termasuk pelan insurans hayat, pelan berkaitan pelaburan, perlindungan gadai janji, perlindungan perniagaan, faedah pekerja, insurans perubatan dan skim faedah kesihatan berkumpulan. GELM merupakan anak syarikat milik penuh Great Eastern Holdings Limited (GEH) dan syarikat induk utamanya ialah Oversea-Chinese Banking Corporation Limited (OCBC).

Mengenai Great Eastern

Ditubuhkan pada tahun 1908, Great Eastern merupakan peneraju pasaran yang kukuh dan jenama yang dipercayai di Singapura dan Malaysia. Dengan aset melebihi S\$117 bilion dan lebih daripada 15.5 juta pemegang polisi, termasuk 11.5 juta daripada skim kerajaan, syarikat ini menyediakan penyelesaian insurans kepada pelanggan melalui pelbagai saluran pengedaran – rangkaian ejen terikat, bancassurance, saluran digital langsung, kerjasama digital dan firma penasihat kewangan Great Eastern Financial Advisers. Kumpulan ini turut beroperasi di Indonesia dan Brunei.

The Great Eastern Life Assurance Company Limited dan Great Eastern General Insurance Limited telah diberikan penarafan kekuatan kewangan “AA” oleh Fitch Ratings dan “AA-” oleh S&P Global Ratings – antara yang tertinggi dalam kalangan syarikat insurans hayat di Asia. Anak syarikat pengurusan aset Great Eastern, Lion Global Investors Limited, merupakan salah satu syarikat pengurusan aset terkemuka di Asia Tenggara.

Great Eastern ialah anak syarikat kepada OCBC, bank tertua di Singapura yang ditubuhkan pada tahun 1932. OCBC merupakan kumpulan perkhidmatan kewangan kedua terbesar di Asia Tenggara berdasarkan aset dan salah satu bank yang menerima penarafan tertinggi di dunia, dengan penarafan Aa1 oleh Moody’s dan AA- oleh Fitch dan S&P. Diiktiraf atas kekuatan dan kestabilan kewangannya, OCBC secara konsisten disenaraikan antara 50 Bank Paling Selamat di Dunia oleh Global Finance dan telah dinamakan sebagai Bank Paling Cepak di Singapura oleh The Asian Banker.

Untuk maklumat lanjut, sila layari: <https://www.greatasteernlife.com/>

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Juliet Wong

Head, Brand and Communications

Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad

E-Mail : JulietWong@greatasteernlife.com

Nur Alia Azizan

Assistant Manager, Brand and Communications

Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad

E-Mail : NurAliaAzizan@greatasteernlife.com